

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN MARIA CHIN BINTI
ABDULLAH [PETALING JAYA]
TARIKH : 11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 29

Y.B. PUAN MARIA CHIN BIN ABDULLAH [PETALING JAYA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dasar Kerajaan untuk menangani masalah 87% daripada golongan pesara swasta dianggarkan tidak mempunyai simpanan KWSP yang mencukupi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah memperkenalkan Konsep Simpanan Asas mengikut umur mulai tahun 2008. Amaun Simpanan Asas semasa yang ditetapkan adalah RM240,000 pada umur 55 tahun. Tujuannya adalah supaya ahli memperoleh pendapatan sekurang-kurangnya RM1,000 sebulan selama 20 tahun bermula daripada umur 55 tahun hingga 75 tahun iaitu selaras dengan jangka hayat penduduk Malaysia. Amaun RM1,000 sebulan tersebut adalah berdasarkan kadar pencen minimum pesara sektor awam (Kerajaan) bagi menampung keperluan asas semasa persaraan.

Berdasarkan statistik ahli KWSP setakat bulan September 2019, hanya 20% daripada keseluruhan ahli KWSP berumur di antara 18 hingga 55 tahun yang mempunyai simpanan dalam Akaun 1 yang melebihi Kuantum Simpanan Asas yang ditetapkan mengikut umur. Keadaan ini sudah pasti sangat membimbangkan kerana majoriti ahli dijangkakan tidak mempunyai simpanan yang mencukupi bagi sekurang-kurangnya menampung keperluan asas persaraan kelak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, antara faktor-faktor yang menyumbang kepada jumlah simpanan persaraan yang rendah ini ialah gaji yang rendah, caruman yang tidak konsisten, pengeluaran pra-persaraan dan kadar kesedaran perancangan persaraan dan celik kewangan yang rendah. Bagi menangani situasi ini, KWSP telah mempelbagaikan saluran ahli untuk menambah simpanan melalui caruman sukarela, selain melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan kadar celik kewangan dan perancangan kewangan.

KWSP telah memperkenalkan Khidmat Nasihat Persaraan (RAS) mulai Julai 2014 yang diberikan secara percuma kepada ahli sebagai langkah membantu orang ramai merancang kewangan untuk bekalan persaraan. KWSP juga telah melancarkan Belanjawanku, satu panduan perbelanjaan minimum bulanan mengikut kategori dan perkhidmatan untuk pelbagai isi rumah. Belanjawanku boleh digunakan untuk merancang perbelanjaan peribadi dan keluarga. Sebagai projek perintis, Belanjawanku dikeluarkan berdasarkan pola perbelanjaan isi rumah di Lembah Klang dan akan diperluaskan ke negeri-negeri yang lain pada masa akan datang.